

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Rahmah nafi Umno mahu rampas kuasa Raja-Raja

SEGAMAT, Ahad — Parti pembangkang dikatakan mempersoalkan isu pindaan perlembagaan kerana tidak mahu Dewan Rakyat menambah 22 lagi ahli Parlimen.

Timbalan Menteri Penerangan, Hajah Rahmah Osman, berkata bila membincangkan pindaan itu, parti pembangkang menyorokkan hakikat dan cuma mengaitkannya dengan kehilangan kuasa Raja-Raja.

"Hakikatnya, pindaan perlembagaan tidak bermaksud untuk merampas kuasa Raja-Raja Melayu seperti yang didakwa oleh parti pembangkang.

"Adalah amat mustahil bagi Umno yang menerajui kerajaan Barisan Nasional mahu mengenyepikan kuasa Raja-Raja Melayu. Sebaliknya, pin-

daan itu bertujuan untuk memperkukuh lagi kuasa mereka," katanya ketika merasmikan kursus sivik Wanita Umno bahagian Labis semalam.

"Sebenarnya, parti pembangkang kini geryn dengan bayang-bayang pindaan perlembagaan yang memperuntukkan tambahan kerusi itu."

Beliau berharap, rakyat terutama Wanita Umno, tidak terpengaruh dengan dakyah pembangkang dan apa juga golongan yang cuba memesongkan pemikiran mereka.

Hajah Rahmah mensifatkan golongan yang berpura-pura itu sebagai menanggung di air keruh dan mendakwa perjuangan mereka sama sekali tidak berasaskan keadaulatan Raja-Raja.

Beliau juga kesal kerana surat terbuka bekas setiausaha agung Umno, Datuk Senu Abdul Rahman kepada Perdana Menteri menjadi polemik politik hangat ketika ini.

"Sebagai bekas setiausaha agung Umno, Datuk Senu sepatutnya tidak harus berbuat demikian kerana ia boleh memecahkan benteng perpaduan rakyat.

"Tindakan itu juga boleh menimbulkan salah faham rakyat yang masih belum tahu matlamat kerajaan meminda perlembagaan."

Beliau menambah, bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat, terutama kaum wanita, Ketua dan Naib Ketua Wanita Umno Malaysia akan melawat seluruh negara.